



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

JALAN MAWAR MERAH 2, PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM



NOTIS PELABUHAN BIL. 02/2025

Rujukan: LPJ/IP/OPS/24JLD4(005)

Tarikh: 12 Mei 2025

KEPADA: SEMUA OPERATOR DAN PENGUSAHA LORI / TRAK.

PERKARA: PENGUATKUASAAN SEKATAN KE ATAS PENGELUARAN / PENGHANTARAN MUATAN MELEBIHI BERAT GABUNGAN KENDERAAN (BGK) DARI / KE PELABUHAN DI BAWAH KAWAL SELIA LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (LPJ).

-Kaedah pelaksanaan.

1. Merujuk kepada perkara di atas dan juga notis LPJ Bil. 01/2025 bertarikh 21 April 2025 adalah berkaitan.
2. Dimaklumkan bahawa berdasarkan pengumuman oleh YB Menteri Pengangkutan Malaysia pada 24 April 2025, penguatkuasaan sekatan ke atas pengeluaran / penghantaran muatan melebihi **Berat Gabungan Kenderaan (BGK)** dari / ke pelabuhan akan berkuat kuasa mulai **1 Julai 2025**.
3. Pelaksanaan dan penguatkuasaan sekatan ini akan dilaksanakan seperti berikut:
 - i. Transaksi import dan eksport bagi lori yang mengangkut kontena **back to back bermuatan (laden)** akan disekat sepenuhnya. Hanya lori yang mengangkut kontena **back to back tidak bermuatan (Empty / MT)** dibenarkan beroperasi seperti biasa.
 - ii. Transaksi import dan eksport bagi lori yang mengangkut **kontena tunggal (single container)** menggunakan treler biasa atau treler jenis *side loader* dibenarkan seperti biasa.
4. Bermula **1 Januari 2026**, **sekatan sepenuhnya** akan dikuatkuasakan ke atas semua lori / trak yang membawa kontena tunggal (*single container*) dan *back to back* melebihi BGK dari / ke pelabuhan. Sekatan ini terpakai bagi semua transaksi import dan eksport.

5. Dalam tempoh **sehingga 31 Disember 2025**, semua operator dan pengusaha lori / trak digesa mengambil tindakan seperti berikut:

- i. Menaik taraf lori / trak dengan melaksanakan perancangan sebaiknya bagi mengelakkan disekat untuk beroperasi di pelabuhan;
- ii. Mengemukakan salinan geran lori / trak dan treler kepada pihak operator pelabuhan untuk tujuan kemas kini maklumat BGK. Ia hendaklah dikemukakan dan dihantar selewat-lewatnya **30 Jun 2025** melalui e-mel berikut:

PELABUHAN	E-MEL
Johor Port Berhad (JPB)	jct.csc@johorport.com.my
Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP)	AllOperationSupportCenter@ptp.com.my

6. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh dikemukakan kepada **Unit SHE, Operasi & Trafik LPJ** di talian **072534000 sambungan 4058** atau e-mel ke admin@lpj.gov.my / iskandar@lpj.gov.my .

Sekian, terima kasih.

MALAYSIA MADANI

PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN

MALAYSIA'S SOUTHERN GATEWAY-GROWING BEYOND BORDERS

LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

Jalan Mawar Merah 2,
Pusat Perdagangan Pasir Gudang 2,
81700 Pasir Gudang,
Johor Darul Takzim.

Tel: +6072534000

Laman sesawang: <https://www.lpj.gov.my>

No. dokumen : 2501064